

Terma dan Syarat

1. Kempen ini adalah khas untuk pemasaran pelan Perlindungan Tenang FWD Takaful di aplikasi TNG Digital. Pelanggan TNG Digital boleh memohon pelan Perlindungan Tenang FWD Takaful melalui penebusan Baucar Perlindungan Tenang yang diberi oleh kerajaan untuk pemohon yang layak di bawah program Bantuan Prihatin Rakyat “BPR” seperti yang diumumkan pada belanjawan negara 2021.
2. Kempen ini bermula dari 02 November 2021, jam 00:01 dan berakhir pada 30 September 2022, jam 23:59. (“Tempoh Kempen”)
3. Maklumat yang akan diberi oleh TNG Digital kepada FWD Takaful untuk tujuan memproses permohonan anda termasuk nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon, e-mel, alamat, jantina dan pelan yang dipilih.
4. Semua permohonan akan melalui proses permohonan dan pemeriksaan yang berkaitan. Penerimaan permohonan tertakluk pada terma dan syarat. Sekiranya FWD Takaful menerima permohonan anda, anda akan menerima sijil takaful di alamat e-mel berdaftar anda. Sekiranya permohonan anda ditolak, FWD Takaful akan memaklumkan kepada anda melalui e-mel berdaftar anda.
5. Pelan takaful yang sah untuk program ini adalah FWD Kasih. Kempen ini adalah berdasarkan kriteria dibawah:

Umur*	Pelan	Manfaat
19-49	FWD Kasih	<ul style="list-style-type: none"> • Manfaat kematian: RM20,000 • Manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK): RM20,000 • Kematian akibat kemalangan: RM40,000 • Badal haji: RM2,500 • Khairat kematian: RM3,000

6. Kempen ini adalah untuk bayaran sumbangan tahun pertama. Pemohon yang layak tidak perlu membayar sumbangan untuk tahun pertama. Untuk sumbangan tahun kedua dan selanjutnya, sumbangan adalah mengikut kadar standard untuk sumbangan pelan FWD Kasih berdasarkan umur dan pelan.
7. Kempen ini memberi perlindungan untuk tahun pertama. Untuk tahun kedua dan selanjutnya, pemohon diminta untuk memperbaharui sijil takaful di portal pelanggan FWD Takaful. Sila lawati <https://www.fwd.com.my/en/myportal/>
8. Penerimaan permohonan ini adalah tidak dijamin. Setiap permohonan akan melalui pengunderaitan, kriteria kelayakan, pemeriksaan pencegahan pengubahan wang haram, pencegahan pembiayaan keganasan dan hasil daripada aktiviti haram sebelum sijil takaful pemohon dikeluarkan.
9. Baucar ini tidak boleh ditukar ganti dengan wang tunai.
10. Untuk maklumat lanjut mengenai kempen ini atau bantuan untuk permohonan, sila hubungi
 - a. Hotline: 03 2771 7737
 - b. E-mel: kasih.my@fwd.com
11. Dengan mengemukakan permohonan anda, anda menyatakan bahawa anda adalah sihat dan:
 - a. Tidak pernah menerima nasihat atau rawatan untuk: kanser, sakit dada, serangan jantung, strok, tekanan darah tinggi, diabetes, Hepatitis B atau C, jangkitan HIV, kehilangan pendengaran, kehilangan penglihatan (selain daripada penglihatan yang diperbetulkan oleh lensa yang dipreskripsi),

sebarang kecacatan fizikal atau sebarang keadaan yang berkaitan dengan jantung, paru-paru, hati, buah pinggang, sistem pencernaan, mental atau sistem saraf;

- b. Dalam masa 2 tahun kebelakangan ini, anda tidak mengalami sebarang keadaan yang memerlukan konsultasi yang berulang kali atau rawatan susulan dengan doktor, doktor pakar atau hospital;
- c. Dalam masa 2 tahun kebelakangan ini, anda tidak menggunakan ubat atau menerima rawatan untuk 14 hari berturutan atau lebih;
- d. Tidak merancang atau diminta untuk mendapatkan nasihat doktor selain daripada pemeriksaan rutin;
- e. Tidak dalam siasatan atau sedang menunggu keputusan perubatan atau memerlukan pemeriksaan kesihatan selanjutnya.

12. Dengan mengemukakan permohonan anda, anda juga menyatakan bahawa anda:

- Sebagai Orang Dilindungi mengetahui bahawa pelan ini menyediakan manfaat perlindungan yang berikut:
 - a. Manfaat kematian, jika anda meninggal dunia dan manfaat tambahan jika ia disebabkan oleh kemalangan.
 - b. Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK).
 - c. Manfaat khairat kematian.
 - d. Badal Haji bagi yang beragama Islam dan derma kepada badan kebajikan bagi yang bukan beragama Islam.
- Anda mengetahui bahawa produk ini tidak menyediakan perlindungan/tidak membayar manfaat yang berikut. Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah sijil ini jika:
 - a. tuntutan yang dibuat berlaku akibat daripada bunuh diri, percubaan bunuh diri, kecederaan yang disengajakan dalam tempoh satu tahun dari tarikh mula sijil anda, tindakan yang menyalahi undang-undang atau peperangan.
 - b. kematian atau HUPK berlaku secara semulajadi dalam tempoh 30 hari pertama sijil anda.

Nota: Sila rujuk [Sijil Induk](#) bagi senarai penuh had-had dan pengecualian di bawah sijil ini.

- Anda mengetahui bahawa:
 - a. Jika anda mengubah fikiran, anda mempunyai 15 hari untuk membuat pembatalan. Kami akan mengemaskini data penggunaan Baucar Perlindungan Tenang supaya ianya boleh digunapakai semula. Oleh itu, tiada sebarang sumbangan Takaful akan dipulangkan.
 - b. Anda boleh menamakan wasi atau benefisiari di bawah hibah bersyarat melalui portal pelanggan kami selepas Jadual Sijil Takaful ini dikeluarkan kepada anda. Anda mungkin ingin memaklumkan kepada mereka tentang Jadual Sijil Takaful ini supaya mudah untuk mereka membuat tuntutan di masa hadapan.
- Anda mengesahkan bahawa sijil ini adalah mampu-milik berdasarkan kedudukan kewangan anda dan pelbagai sumber pendapatan lain. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan pelan ini bersesuaian dengan keperluan perlindungan Takaful anda.